


Ulasan buku / book review



The Study of Religious Traditions: Concepts, Approaches & Theories

Abdurezak A. Hashi

IIUM Press, Gombak. 2014 (Cetakan Pertama) 133 halaman.

ISBN 978-967-418-322-6

Ulasan oleh

JAMSARI ALIAS

Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia

jamsari@ukm.edu.my

NORAZILA MAT

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia

norazila@ukm.edu.my

Dunia tanpa sempadan hari ini dengan manusia yang hidup seolah olah di dalam sebuah desa global yang kesemuanya ada, menjadikan isu berkaitan perbezaan dalam kehidupan suatu lumrah dan perlu ditangani dengan bijak. Semuanya menjurus kepada keamanan sejagat dan keperluan untuk hidup dalam iklim yang harmoni. Keamanan sejagat pula hanya dapat dicapai apabila perbezaan agama saling dapat difahami dan dihargai. Manakala perbezaan agama pula hanya mampu dicernakan melalui pengkajian mendalam asas asas yang menjadi tunjang agama itu sendiri. Bertitik tolak dari kesedaran inilah, buku “*The Study of Religious Traditions: Concepts, Approaches and Theories*” yang ditulis oleh Abdurezak A. Hashi diangkat untuk diulas dalam Jurnal MALIM edisi 2016 kali ini.

Buku terbitan Penerbit UIAM (*IIUM Press*) tahun 2014 yang mengandungi 133 halaman ini meliputi enam bab yang bertindak sebagai wacana dalam mengangkat tema tema dan isu dalam pengkajian tradisi keagamaan khususnya dalam konteks perbezaan agama yang

menggarap isu-isu seputar aspek subjektiviti dan objektiviti, sejarah, pendekatan, teori serta metodologi dalam bidang ini. Tuntasnya, buku ini memberi satu kefahaman asas berkaitan konsep-konsep dan kategori dalam pemahaman tradisi keagamaan dalam ruang lingkup ayat-ayat al-Quran, di samping cuba juga untuk mengupas perdebatan ini dalam kerangka sosio-antropologikal.

Bagi pembuka halaman, Bab 1 memberikan pendahuluan yang berupa capaian asas pendefinisian perbandingan agama dengan bab yang berjudul “*Comparative Religion: An Overview of Its Concepts and Approaches*”. Abdurezak A. Hashi dalam bab ini mengupas secara menyeluruh akan pengertian perbandingan agama, sejarah dan susur galurnya serta pendekatan-pendekatan dalam kajian perbandingan agama yang terpakai selama ini. Cara persembahan yang mantap dalam bahasa akademik yang baik beserta lengkok perbincangan yang lancar dalam susunan disusun rapi menjadikan bab ini satu pembuka wacana yang padu, ditambah pula dengan susunan kemas 99 nota kaki untuk bab ini sahaja.

Seterusnya Bab 2 cuba untuk membawa pembaca akan penghayatan tradisi keagamaan dalam ruang lingkup Islam yang berpaksikan ayat-ayat suci al-Quran. Dalam babnya “*Understanding Religious Traditions from Islamic Perspective: Concepts and Categories*”, Abdurezak A. Hashi telah berjaya mengeluarkan intipati dan saranan yang terkandung dalam ajaran Islam berkaitan tradisi keagamaan yang dikupas dengan cukup komprehensif. Penekanan dari sumber-sumber berasaskan al-Quran dan as-Sunnah disusun baik dengan rujukan padat 119 nota kaki yang terikat ampuh menjadikan bab ini satu bacaan yang serius.

Bab ke-3 pula memperihalkan tajuk “*Religious Fetishism: Evaluative Remarks*” yang mana penulis telah menyinggung aliran kefahaman tradisi keagamaan yang ingin disandarkan kepada kuasa-kuasa magikal alam serta juga pandangan sosio-budaya terhadap pembangunan agama dan keagamaan itu sendiri. Bab ini disimpulkan dengan menegaskan bahawa penghayatan tradisi keagamaan perlulah bersumberkan asas-asas yang autentik dan berautoriti.

Bab 4 tampil memberikan pemerihalan terperinci tentang tradisi keagamaan berasaskan ajaran yang terkandung dalam Taurat, Injil dan al-Quran. Abdurezak Hashi telah menjelaskan dengan baik dalam bab “*Theological Trialogue of Abrahamic Traditions*” ini berkaitan isu-isu teras dalam ajaran agama samawi yang menjurus kepada kesatuan dan keesaan Allah SWT.

Abdurezak A. Hashi dalam Bab 5 buku ini yang bertajuk “*Monotheism between Originality and Evolution: A Comparative Analysis of Socio-Anthropologists’ Views on the History of Monotheism*” mengajak pembaca meninjau dan memahami perdebatan dan perbahasan dari sudut pandang sosio-antropologikal berkaitan sejarah, perkembangan dan teori kesatuan Tuhan dalam tradisi keagamaan melalui suatu pembentangan akademik yang menarik untuk difahami.

Dalam bab terakhirnya, Bab 6 yang berbunyi, “*An Overview of Belief Systems*”, penulis telah mengutarakan suatu pemerhatian yang menyeluruh tentang sistem-sistem kepercayaan yang ada dalam kalangan masyarakat sejak zaman berzaman sehingga ke hari ini.

Demikian sebuah buku yang menyentuh bidang *Religious Traditions* yang berjaya membawa suatu perbincangan yang konklusif lagi menyeluruh berkaitan tradisi keagamaan, perkembangan, cabaran serta hala tujunya. Penerbitan buku ini membantu menyuluh sinar kesedaran dan membangkitkan rasa kepedulian umum perihal tradisi dan asas keagamaan, penerimaannya dalam kalangan masyarakat, serta susur galur keilmuannya. Ternyata



penghasilan buku “*The Study of Religious Traditions: Concepts, Approaches and Theories*” yang dikarang oleh Abdurezak A. Hashi ini telah berjaya mengangkat korpus ilmu dan mengikat tradisi keilmuan, sehingga menjadi pemangkin ke arah pemahaman yang lebih padu.